

UNIVERSITI POLY-TECH MALAYSIA

**Pinjaman Pelajaran
MARA (Majlis Amanah Rakyat)**



Pengenalan

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) melalui Bahagian Penganjuran Pelajaran(BPP) menyediakan kemudahan Pinjaman Pelajaran kepada pelajar Bumiputera yang layak untuk melanjutkan pengajian.

MAKLUMAT PERMOHONAN

- Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di Portal MARA melalui pautan: www.mara.gov.my selepas iklan permohonan online di keluarkan
- Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat umum dan syarat akademik yang telah ditetapkan.
- **Permohonan dengan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses.**
- Sekiranya pemohon didapati memberi maklumat palsu, MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman.

Syarat Umum

Pemohon serta salah seorang ibu atau bapa bertaraf **Bumiputera**



Ibu dan bapa/penjaga serta pelajar **tidak disenaraihitam** oleh MARA.



Memenuhi syarat kelayakan Status Sosio-Ekonomi (SES) keluarga



Warganegara Malaysia.



Tidak pernah menerima pinjaman bagi peringkat pengajian yang sama.

Bagi pemohon yang mempunyai masalah kesihatan, pemohon perlu mendapatkan pengesahan dari doktor bertauliah bahawa pemohon adalah sihat dan boleh melanjutkan pengajian.

Kelayakan berdasarkan Status Sosio-Ekonomi Keluarga (SES)

Memenuhi syarat kelayakan Status Sosio-Ekonomi (SES) keluarga



KATEGORI KELAYAKAN	PENDAPATAN BULANAN	PENDAPATAN BERCUKAI TAHUNAN
Yuran & Elaun Sara Hidup	RM12,000 dan ke bawah	RM15,000 dan ke bawah
Yuran sahaja	RM12,001 - RM20,000	RM15,001 - RM250,000

Syarat Kelayakan Akademik

DIPLOMA

- * Lulus BM & Sejarah SPM.
- * 3 Kredit Mana-mana Subjek SPM.
- * SKM – Tahap 3 , Lulus BM & Sejarah(SPM).
- * Sijil Vokasional Malaysia – Kepujian BM 1104, PNGK Akademik ≥ 2.00 , PNGK Vokasional ≥ 2.67 , Kompeten Semua Modul Vokasional & Lulus Sejarah 1251.

IJAZAH SARJANA MUDA

- *Lulus BM & Sejarah di peringkat SPM.
- * Lulusan IPMa CGPA 2.75 ke atas.
- *Lulusan IPTS / IPTA /STPM/ MATRIKULASI/FOUNDATION CGPA 2.75 ke atas.
- *Lulusan STAM - MAQBUL

Syarat Kelayakan Akademik

AFIA

- *Lulus SPM dengan mendapat gred A empat(4) subjek.
- *Termasuk Matematik dan Bahasa Inggeris mendapat A.

ACCA

- *Lulus BM & Sejarah.
- *Lulusan IPMa CGPA 2.50 ke atas.
- *Lulusan IPTS / IPTA / STPM / Matrikulasi CGPA 3.00 ke atas.
- *Lulusan STAM – MAQBUL
- *Lulus di peringkat Sijil Professional.
- *Lulusan Ijazah CGPA 3.00 ke atas.

Syarat Kelayakan Akademik

IJAZAH SARJANA

- *Lulus BM & Sejarah di peringkat SPM.
- *CGPA bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda 3.00 dan ke atas.
- *CGPA bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda 2.50 dan ke atas & mempunyai pengalaman kerja sekurangnya 2 tahun.

PhD

- *Lulus BM & Sejarah di peringkat SPM.
- *CGPA bagi peringkat Ijazah Sarjana 3.00 dan ke atas.
- *CGPA bagi peringkat Ijazah Sarjana 2.50 dan ke atas & mempunyai pengalaman kerja sekurangnya 2 tahun.

Had Umur

DIPLOMA/ PROFESSIONAL

- ❖ DALAM NEGARA < 35 TAHUN
- ❖ LUAR NEGARA < 35 TAHUN

IJAZAH SARJANA MUDA

- ❖ DALAM NEGARA < 40 TAHUN
- ❖ LUAR NEGARA < 35 TAHUN

IJAZAH SARJANA

- ❖ DALAM NEGARA < 40 TAHUN
- ❖ LUAR NEGARA < 35 TAHUN

DOKTOR FALSAFAH

- ❖ DALAM NEGARA < 45 TAHUN
- ❖ LUAR NEGARA < 40 TAHUN

Cara Memohon

- Permohonan perlu dibuat secara atas talian (online) melalui <http://www.mara.gov.my>.
- Permohonan boleh dibuat selepas iklan/makluman permohonan telah dikeluarkan oleh pihak MARA (Makluman melalui website MARA)
- Dokumen sokongan di dalam sistem perlulah dimuatnaik dalam satu fail PDF
- Permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses

<https://myeduloan.mara.gov.my/V3/#/SignUp>



The image shows a registration form titled "Daftar" (Register). The form is intended for new applicants and includes the following fields:

- Identifying Information:
 - Nama Seperti Dalam Kad Pengenalan
 - No. Kad Pengenalan Baru
 - Alamat E-mel
- Security Information:
 - Kata Laluan
 - Sahkan Kata Laluan
- Action Buttons:
 -
 -

Senarai Semak Dokumen

BIL	SENARAI SEMAK
1	Gambar berukuran passport (ditampal di borang permohonan)
2	Salinan Kad Pengenalan pemohon.
3	Salinan Sijil Kelahiran pemohon.
4	Salinan Surat Tawaran kemasukan ke KUPTM/struktur yuran pengajian (Jika berkaitan)
5	Salinan surat pengecualian subjek bagi kursus (Jika berkaitan)
6	Salinan sijil-sijil kelulusan akademik SPM / STPM / Pra-Diploma / Diploma / Ijazah / Sarjana dan lain-lain yang berkaitan.
7	Salinan Penyata Gaji pemohon dan suami/isteri yang menerima penggajian DAN Penyata BE / Penyata B bagi pendapatan kena cukai pemohon dan suami / isteri (Jika berkaitan)
8	Salinan pelepasan kontrak / berhenti kerja / cuti tanpa gaji / kebenaran mengikut program daripada majikan dan lain-lain (Jika berkaitan)
9	Surat pengesahan / penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran dan penaja terdahulu (Jika berkaitan)
10	Salinan Sijil Kematian atau Surat Perakuan Cerai ibu dan bapa / penjaga (Jika berkaitan)
11	Salinan Penyata Gaji ibu dan bapa / penjaga yang menerima penggajian DAN Penyata BE / Penyata B terkini ibu dan bapa / penjaga bagi pendapatan yang kena cukai ATAU Penyata Pencen bagi yang telah bersara ATAU Surat Pengesahan Pendapatan ibu dan bapa/penjaga jika bekerja sendiri / tidak bekerja.
12	Salinan Kad Pengenalan ibu dan bapa / penjaga.
13	Salinan Sijil Kelahiran ibu dan bapa / penjaga.
14	Salinan Penyata Akaun Bank (CIMB, Bank Islam, dan MAYBANK sahaja)

- **Permohonan pelajar tidak akan diproses, sekiranya pelajar / ibu / bapa / penjaga disenarai hitamkan atau sedang dalam TINDAKAN UNDANG-UNDANG MARA.**
- **Slip Gaji hendaklah disahkan oleh majikan. (Kerajaan 1 bulan TERKINI, Swasta 3 bulan TERKINI)**
- **Bagi pesara kerajaan sila sertakan kad pencen & penyata pencen TERKINI.**
- **Bagi ibubapa/penjaga yang tidak bekerja @ suri rumah @ bekerja sendiri @ pencen swasta (tidak bekerja) sila isi borang pengesahan pendapatan yang disahkan **KETUA KAMPUNG/PENGERUSI MPKK @ MANA-MANA PEGAWAI KERAJAAN GRED A.****
- **Bagi pelajar yang ibubapa bercerai & pelajar tiada Salinan IC,Sijil Lahir & Slip Gaji salah seorang, pelajar perlu membuat satu surat rasmi dan memaklumkan kenapa dokumen tersebut tidak dapat disediakan. (Disahkan oleh **KETUA KAMPUNG/PENGERUSI MPKK @ MANA-MANA PEGAWAI KERAJAAN GRED A**)**



TERIMA KASIH